



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA



PANDUAN

CUTI TIBI, KUSTA DAN BARAH

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA





Cuti Tibi, Kusta & Barah adalah merupakan **cuti sakit bergaji penuh** yang diberi bagi tujuan mendapatkan tempoh rawatan yang panjang

CUTI TIBI
TIDAK MELEBIHI
12 BULAN

(a) KADAR

CUTI KUSTA & BARAH
TIDAK MELEBIHI
24 BULAN

(b)

Setelah menghabiskan cuti di (a), pegawai boleh mengambil semua cuti rehat yang berkelayakan

(c)

Cuti separuh gaji yang tidak melebihi 12 bulan boleh diberi setelah tamat cuti di (a) dan (b)


(d)

Setelah menghabiskan semua cuti di (a) hingga (c), tiada apa-apa cuti yang boleh diberi lagi melainkan atas budi bicara Kuasa Tertentu, setelah meneliti Laporan Lembaga Perubatan. Kuasa Tertentu boleh menimbangkan apa-apa cuti tambahan sama ada bergaji penuh atau separuh gaji atau pegawai juga boleh dibersarakan daripada perkhidmatan.



Nota:

Kemudahan Cuti Tibi, Kusta dan Barah adalah terhad sekali sahaja sepanjang perkhidmatan



SENARAI SEMAK



1. Borang Permohonan Cuti Tibi, Kusta dan Barah (Rujuk Lampiran A)
2. Salinan sijil cuti sakit
3. Perakuan pengesahan penyakit oleh doktor
4. Minit Bebas PTJ (Rujuk Lampiran B)
5. Senarai Semak Permohonan (Rujuk Lampiran C)

PROSES KELULUSAN

- a) Semakan : PSM PTJ
- b) Sokongan : Ketua Jabatan
- c) Kelulusan : Jabatan Pendaftar



Nota :

Kelulusan jumlah hari Cuti Tibi, Kusta dan Barah adalah tertakluk kepada perakuan pengesahan doktor dan salinan sijil sakit yang dikemukakan

RUJUKAN



1. Perintah Am Bab C - Perkara 30 hingga 33
2. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil.5 Tahun 1985
3. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1991



TAHUKAH ANDA ?

Perkhidmatan yang melayakkan adalah perkhidmatan yang diambil kira bagi mengira kelayakan mendapat cuti seseorang pegawai dan terdiri dari masa-masa bertugas, cuti rehat dan cuti sakit tetapi **tidak termasuk** cuti separuh gaji, cuti tanpa gaji, cuti haji, **cuti tibi, kusta dan barah** dan cuti belajar.


Cuti Tibi, Kusta dan Barah adalah termasuk dalam perkhidmatan yang **tidak melayakkan cuti rehat**

Kadar kelayakan cuti rehat pada tahun berkenaan akan dikira pada kadar prorate bagi pegawai yang diluluskan kemudahan Cuti Tibi, Kusta dan Barah

TINDAKAN BAHAGIAN SUMBER MANUSIA JABATAN



1. **Jana Kew-8 (ROC)** berdasarkan surat kelulusan Cuti Tibi / Kusta / Barah
> **Kod ROC - 050303 CUTI TIBI, KUSTA DAN BARAH**
2. **Catat** maklumat kelulusan Cuti Tibi / Kusta / Barah dalam Buku Rekod Perkhidmatan (BRP) Pegawai di **Bahagian Kenyataan Perkhidmatan dan Kenyataan Cuti**
3. Kemaskini maklumat kelulusan Cuti Tibi / Kusta / Barah di **Sistem Cuti SMIS**





SOALAN LAZIM



Soalan 1:

Adakah cuti tibi, kusta dan barah merupakan cuti sakit bergaji penuh?

Jawapan :

Ya. Kemudahan cuti tibi, kusta dan barah adalah merupakan cuti sakit bergaji penuh dengan syarat pegawai mendapat rawatan berterusan ketika sakitnya dan kemudahan ini tidak menjejaskan kemudahan cuti sakit yang diperuntukkan di bawah Perintah Am Bab C.

Soalan 2:

Adakah permohonan cuti tibi, kusta dan barah boleh diluluskan jika tiada surat pengesahan penyakit oleh doktor?

Jawapan :

Permohonan cuti tibi, kusta dan barah dianggap tidak lengkap dan tidak boleh diluluskan jika surat pengesahan penyakit oleh doktor tidak dilampirkan bersama dokumen permohonan. Ini kerana, tempoh cuti sakit tibi, kusta dan barah akan bermula dan diambil kira berdasarkan surat pengesahan dari doktor dan sijil cuti sakit yang diterima.



Soalan 3:

Adakah sepanjang tempoh kelulusan cuti tibi, kusta dan barah, imbuhan tidak tetap akan diberhentikan pembayaran?

Jawapan :

Ya. bilamana pegawai dalam keadaan cuti sakit yang melebihi 28 hari berturut-turut, maka imbuhan tidak tetap akan diberhentikan pembayarannya mulai tarikh cuti berkuatkuasa bergantung kepada peraturan yang berkuatkuasa. Elaun berkenaan akan dibayar semula tertakluk pegawai melapor diri bertugas semula. Antara senarai elaun tidak tetap yang akan dihentikan dalam tempoh pegawai diluluskan cuti tibi, kusta dan barah adalah Elaun Khas (Setiausaha Pejabat), Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal (BIPK) dan Bayaran Insentif Tugas Kewangan (BITK).



Soalan 4:

Kelayakan kadar cuti tibi adalah tidak melebihi 12 bulan dan cuti kusta & barah adalah tidak melebihi 24 bulan. Berdasarkan pernyataan tersebut, adakah cuti tibi, kusta dan barah boleh diluluskan terus pada kadar penuh ?

Jawapan :

Permohonan cuti tibi, kusta dan barah adalah diluluskan berdasarkan pengesahan doktor dan sijil sakit yang dikemukakan.



SOALAN LAZIM



Soalan 5:

Kadar cuti rehat tahun 2020 saya adalah sebanyak 30 hari dan saya telah diluluskan cuti barah bergaji penuh selama 243 hari pada tahun 2020. Adakah saya akan mendapat penuh kadar kelayakan cuti rehat tahunan saya iaitu sebanyak 30 hari pada tahun 2020?

Jawapan :

Berdasarkan Perintah Am, Cuti tibi, kusta dan barah adalah termasuk dalam tempoh perkhidmatan yang tidak melayakkan cuti rehat. Kelayakan cuti rehat perlu dikira pada kadar proportionate pada tahun 2020 tersebut. Kaedah pengiraan kadar cuti rehat adalah seperti contoh yang berikut;

- a) Jumlah hari pada tahun 2020 = 366 hari
- b) Jumlah hari cuti barah yang diluluskan pada tahun 2020 = 243 hari
- c) Jumlah hari perkhidmatan yang melayakkan (a - b) = 123 hari
- d) Jumlah kelayakan cuti rehat tahun 2020 = 30 hari

Formula :

$(c/a) \times d = \text{Jumlah kadar kelayakan cuti rehat proportionate}$
 $(123 \text{ hari}/366 \text{ hari}) \times 30 \text{ hari} = 10 \text{ hari}$

Sehubungan dengan itu, kadar cuti rehat pegawai yang berkelayakan bagi tahun 2020 adalah berjumlah 10 hari.

